



**Siaran Akhbar ini Diembargo hingga**

**3.00ptg, 29 Julai 2016**

### **BULAN BAHASA – LANGKAH SELANJUTNYA**

Majlis Bahasa Melayu, Singapura akan terus meraikan keserbagunaan dan kepelbagaiannya bahasa, budaya dan warisan Melayu melalui barisan aktiviti dan program yang menarik. Aktiviti dan program tersebut akan memberikan nafas baharu dalam acara Bulan Bahasa yang akan dianjurkan dari 15hb Ogos hingga 15hb Oktober 2016.

Acara Bulan Bahasa 2016 yang diadakan buat julung-julung kalinya di Muzium Negara Singapura akan menyatukan rakan kongsi dan mempamerkan keindahan, semangat dan inti pati Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu, Budaya, dan Mesra dan juga pentingnya mengekalkan Bahasa Melayu melalui program-program yang akan dijalankan.

Menurut Puan Rahayu Mahzam, selaku Pengurus Jawatankuasa Bulan Bahasa 2016, "Kami telah bersepakut untuk mempersembahkan langkah selanjutnya dalam acara Bulan Bahasa yang kini semakin kukuh dan berkembang. Tahun ini, kami menerima sokongan baik daripada ahli jawatankuasa dan rakan kongsi yang baharu, pelbagai lapisan masyarakat di kawasan perumahan, belia dan pelajar. Mereka yang akan menerajui usaha-usaha acara Bulan Bahasa. Kami berharap para pengguna bahasa Melayu akan menghargai budaya dan warisan Melayu dengan lebih mendalam. Dalam usaha ini, kami mahu melibatkan kesemua lapisan masyarakat"

Ketika sidang media Bulan Bahasa, Puan Rahayu Mahzam juga telah memperkenalkan gambaran kreatif dan visual baharu tahun ini.

Dengan berilhamkan naskhah tulisan tradisional yang halus dan berbentuk artistik pada samping sulaman tekat yang bercorak floral, gambaran visual Bulan Bahasa 2016 melambangkan kelestarian tradisi Melayu. Skrip kaligrafinya pula melambangkan Bahasa Ilmu dan Bahasa Mesra, menandakan hubungan persuratan yang digunakan untuk mengeratkan ukhuwah. Bahasa dan Budaya ditandakan dengan lembar benang halus sulaman tekat. Kesemua elemen-elemen ini melambangkan Bahasa Melayu sebagai tiang dan dasar masyarakat, dan pada masa yang sama mengekalkan aspek-aspek yang sangat bernilai, yakni aspek Ilmu, Budaya dan Mesra.



## Pesta Pelancaran Hujung Minggu di Muzium Negara Singapura

Sepanjang hujung minggu pada 3 dan 4 September 2016, program-program acara Bulan Bahasa akan dipersembahkan di pelbagai tempat di dalam Muzium Negara, sekaligus menjadikan seluruh muzium itu sebagai sebuah tempat persembahan yang penuh dengan suasana bahasa, budaya dan warisan Melayu.

Para pengunjung dan peserta boleh meneroka sejarah dan cerita di sebalik artifak-artifak masyarakat dan Perintis Melayu di Galeri Sejarah. Mereka akan dibantu oleh para Rakan Bahasa yang akan mengendalikan lawatan panduan seperti pemidato dalam Bahasa Inggeris dan Melayu.

Orang ramai juga pasti terhibur dengan pementasan adaptasi karya Noor Effendy Ibrahim yang berjudul “Bilik”. Dilakukan oleh kumpulan TEATRO, pementasan ini menghidupkan kepelbagaian nuansa yang tersirat dalam Bahasa Melayu. Dididik dan dilatih oleh Duta Bahasa, Cik Aidli Alin Mosbit, pementasan kumpulan TEATRO yang terdiri daripada pelajar-pelajar Politeknik Temasek pastinya antara kemuncak acara Bulan Bahasa yang tidak harus dilepaskan.

Orang ramai berpeluang untuk mengikut serta di dalam “Peti Tari”, sebuah jejak tarian anjuran Sriwana. Para penari akan mengagumkan penonton-penonton dengan sebuah pameran menarik yang akan memperkenalkan persembahan tarian tradisional yang berasal seawal tahun 70-an. Makna dan kepentingan gaya dan gerak-geri tarian ciptaan individu-individu ulung seperti Puan Som Said, Puan Idayu Somad, Puan Ah Choon, Encik Md Ayu Samad, Encik Nongchik Ghani dan lain-lain lagi akan disampaikan kepada para penonton.

Mereka yang berminat boleh mempelajari Bahasa Melayu dengan mengambil bahagian dalam permainan aneka ragam yang dianjurkan Big Tree Pictures. Berseronoklah dengan selebriti-selebriti Melayu dalam permainan bahasa dengan menjawab soalan mengenai Bahasa Melayu sambil bermain Gerak Bahasa, Serumpun dan Roda Impian.

Anggota Keluarga juga boleh menguji ilmu pengetahuan mereka tentang bahasa, budaya dan warisan Melayu sambil bermain permainan yang dikelolakan para pelajar Sekolah Rendah Yumin, atau sertai Kuiz Wayang Kulit dan Sastera Melayu yang dikendalikan para pelajar Sekolah Menengah Yusof Ishak.



Pesta Pelancaran pada 3 September akan sampai kemuncaknya dengan sebuah Konser Malam yang akan mempamerkan persembahan muzik oleh Kopratas, Rausyanfikir dan pancaragam tempatan. Konser Malam ini akan diadakan di *Lawn*, halaman luar Muzium Negara. Bawalah tikar dan bekal makanan anda untuk menikmati malam yang gembira dan amat menghiburkan.

### **Duta Bahasa 2016**

Majlis Bahasa Melayu Singapura melantik Duta Bahasa sebagai suri teladan Bahasa Melayu. Tahun ini, tiga orang duta telah dikenal pasti kerana semangat dan rasa cinta mereka akan bahasa, budaya dan warisan Melayu.

1. Cik Siti Khalijah Zainal – Pelakon dan Penerima Anugerah Seniman Muda
2. Encik Megat Muhammad Firdaus – Pengasas dan Konduktor Orkestra Sri Temasek
3. Ustazah Nurul ‘Izzah Khamsani – Pegawai Eksekutif, Dakwah dan Pendidikan di Masjid Jamiyah Ar-rabitah

### **Sokongan aktiviti-aktiviti Semarak dan acara Bulan Bahasa di Kawasan Perumahan**

Buat pertama kali tahun ini, acara Bulan Bahasa akan dianjurkan di kawasan perumahan Sembawang. Usaha ini akan meluaskan lagi usaha-usaha jangkauan Bulan Bahasa untuk dipersembahkan di kawasan-kawasan perumahan seperti yang di Nee Soon, Jurong, Choa Chu Kang dan Tampines sekarang.

Di samping itu, Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu dan para rakan kongsi akan terus menganjurkan aktiviti-aktiviti Semarak di serata Singapura.

Program-program ini hanya mampu dijayakan dengan rasa minat dan semangat masyarakat terhadap Bahasa Melayu, yang tampil untuk berkongsi kemahiran dan pengalaman masing-masing untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu.

~~~



## Tentang Bulan Bahasa

**Bulan Bahasa** pertama kali dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura pada tahun 1988 sebagai satu inisiatif untuk menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian mereka. Daripada acara yang berlangsung sekali setiap dua tahun sebelum 2010, Bulan Bahasa telah menjadi acara tahunan. Pelbagai kegiatan Bulan Bahasa telah dianjurkan untuk menggalakkan masyarakat menyertai kegiatan-kegiatan bahasa Melayu.

Sila lungsuri [mbms.sg](http://mbms.sg) dan [facebook.com/majlisbahasa](https://facebook.com/majlisbahasa) untuk dapatkan maklumat lanjut tentang Majlis Bahasa Melayu Singapura dan Bulan Bahasa.



## Annex 1

### **Duta Bahasa 2016**



Siti Khalijah Zainal ialah seorang pelakon berpengalaman yang sudah berkecimpung lebih sepuluh tahun di dalam seni teater. Dia membuat penampilan pertamanya sebagai pelakon sepenuh masa setelah menghadiri program *Theatre for Youth Ensemble* sepanjang setahun pada tahun 2003, anjuran The Necessary Stage.

Sejak itu, Siti telah berlakon dalam pelbagai pementasan terbitan syarikat-syarikat teater tempatan seperti Wild Rice, Cake Theatrical Productions, Teater Ekamantra, Dream Academy dan The Presenting Company.

Antara pementasan yang disertainya termasuklah Nadirah, Gemuk Girls, Dan Tiga Dara Terbang Ke Bulan, Model Citizens, Hansel & Gretel and Happy Ever Laughter.

Siti juga telah mengikuti pementasan teater hingga ke Scotland, Australia dan Rusia. Pementasan lakonan solonya, Best Of, di Pesta George Town 2013 di Pulau Pinang, Malaysia mendapat sambutan yang amat baik dan dia menerajui watak Rosnah di dalam pementasannya yang akan datang di Pesta Raya.

Lakonannya memainkan sebuah watak di dalam pementasan Model Citizens telah membuat Siti meraih Anugerah Pelakon Wanita Terbaik di LIFE! Theatre Awards 2011. Dia juga dinobatkan Anugerah Seniman Muda oleh Majlis Seni Kebangsaan pada tahun 2014.



Siti sangat ghairah untuk menyebarkan bahasa Melayu dan menggalakkan kegunaannya dalam kalangan belia. Selaku Duta Bahasa, dia berharap untuk meningkatkan lagi penghargaan mereka terhadap bahasa ibunda mereka melalui persembahan dan pementasannya yang akan memperkenalkan keindahan bahasa Melayu.



## Annex 1

### **Duta Bahasa 2016**



Megat Muhammad Firdaus Mohamad ialah penubuh dan konduktor Orkestra Sri Temasek. Dia seorang pemain instrumen muzik yang versatil, dan main alat-alat muzik seperti akordian, seruling dan biola. Dia juga seorang penggubah dan komposer lagu, dan lazim menggubah dan mencipta lagu untuk Orkestra Sri Temasek.

Megat telah membuat persembahan dengan beberapa ensemبل muzik Melayu tradisional, termasuk Orkestra Melayu Singapura, Singapore Wind Symphony (Belia) dan Symphonic Band NIE.

Megat yakin dan percaya bahawa dengan kefahaman sejarah dan cerita-cerita di sebalik Orkestra Melayu dan alat-alat instrumennya, ia akan meningkatkan lagi penghargaan orang ramai terhadap bahasa dan muzik tradisional Melayu. Oleh itu, dia sentiasa mencuba dan berusaha untuk berkongsi dengan penonton-penontonnya ilmu intimnya tentang Orkestra Melayu di dalam setiap persembahannya dalam Bahasa Melayu, Inggeris dan juga Cina.

Semangat dan minat Megat terhadap seni orkestra Melayu mendorongnya untuk membangunkan rangkaian dengan para belia melalui usaha-usahanya mengendalikan sesi dan kursus orkestra Melayu untuk lapisan masyarakat secara percuma, dengan harapan agar ia menyalakan dan memupuk rasa penghargaan mereka terhadap muzik tradisional. Pada akhir setiap sesi, para peserta akan berpeluang untuk mengambil bahagian dan membuat persembahan bersama ensemبل Orkestra Sri Temasek.



Selaku Duta Bahasa, Megat percaya bahawa seni Orkestra Melayu mampu menyatukan masyarakat dan orang ramai boleh menghargai Bahasa Melayu melalui lagu dan lirik yang puitis.



## Annex 1

### **Duta Bahasa 2016**



Ustazah Nurul 'Izzah Khamsani seorang graduan Universiti Al-Azhar dengan ijazah Sarjana Muda Seni dalam Usuluddin (Akidah dan Falsafah).

Dia sekarang bertugas sebagai Pegawai Eksekutif, Dakwah dan Pendidikan di Masjid Jamiyah Ar-Rabitah, dan juga seorang ahli Jawatankuasa Fatwa, MUIS.

Semenjak muda, ayah Ustazah Nurul 'Izzah sentiasa mendorongnya untuk menyertai ceramah dan ini mencetuskan rasa minatnya terhadap bahasa Melayu. Dengan sokongan keluarganya, dia mula mengambil bahagian di dalam persaingan berpidato seperti Bahas 4PM dan peraduan berpantun.

Dia aktif memberikan ceramah dan menganjurkan program-program pembangunan social dan pendidikan Islam untuk masyarakat Melayu untuk mengibarkan rasa minatnya sendiri terhadap bahasa Melayu.

Selaku Duta Bahasa, Ustazah Nurul 'Izzah giat dan ingin berkongsi kemahiran ceramah dengan guru-guru dan pensyarah lain sambil dia terus mendorong golongan masyarakat untuk memperbaiki dan menyempurnakan kemahiran dan cara penyampaian mereka dengan menguatkan lagi penguasaan mereka dalam bahasa Melayu.



## Annex 2

### Gambar-gambar program yang akan diadakan ketika Majlis Pelancaran Hujung Minggu Bulan Bahasa 2016

Pementasan "Bilik" - TEATRO, Temasek Polytechnic



*Peti Tari* - Sriwana



Gerai Aktiviti Sekolah – Sekolah Rendah Yumin



Kuiz Wayang Kulit – Sekolah Rendah Yumin





## Annex 3

### Tema Bulan Bahasa 2016

#### **Ilmu, Budaya, Mesra**

Bulan Bahasa mengajak kita menggunakan Bahasa Melayu untuk tujuan meraih dan menyampaikan ilmu, memasyarakatkan budaya serta mengukuhkan jalinan yang mesra sesama kita.

#### **Bahasa sebagai Ilmu**

Bahasa kita hidup apabila kita gunakan untuk pelbagai keperluan mencari ilmu. Sama ada digunakan oleh para sarjana untuk membina bahasa Melayu, untuk menimba dan mendalami pengetahuan agama ataupun untuk mencari makna kata dalam kehidupan harian, bahasa Melayu akan terus digunakan untuk mencari dan menambahkan ilmu masyarakat kita.

#### **Bahasa sebagai Budaya**

Adab murni dan budaya seni lebih bermakna apabila disampaikan dalam lenggok dan nuansa bahasa Melayu yang jitu untuk menyampaikan hati nurani orang Melayu. Dengan bahasa Melayulah kita mengenal elok budi dan budaya leluhur masyarakat kita.

#### **Bahasa sebagai membina Kemesraan**

Bahasa Melayu menjalin kemesraan dalam kalangan penuturnya. Tidak kira sama ada diselangi pantun dan puisi dalam majlis penuh takzim ataupun bersantai dengan keluarga dan sahabat handai di tepi pantai, bahasa Melayu menjadikan suasana bersama lebih akrab sekali.

Bahasa ‘Ilmu, Budaya, Mesra’ memperlihatkan pentingnya bahasa Melayu dalam kehidupan masyarakat. Apabila kita menggunakan bahasa, ilmu dan budaya kita terpelihara dan kemesraan terjalin ketara. Dengan terlestarinya bahasa, dapatlah kita mewariskannya kepada generasi sesudah kita.